

SOALAN NO. : 124

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kedudukan dan persiapan menghadapi musim hujan yang akan tiba. Bagaimanakah proses penebatan banjir yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu musim hujan, yang akan menyebabkan banjir di Kelantan sebagaimana yang berlaku pada tahun 2014 dan 2016. Sehingga kini apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian yang bertanggungjawab ke atas persiapan menghadapi banjir setiap kali tiba musim hujan di Kelantan.

64

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menghadapi bencana banjir, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan persiapan melalui kaedah struktur dan bukan struktur.

Kaedah bukan struktur antaranya adalah melalui Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca banjir, kawasan banjir, kedalaman banjir, jumlah kerosakan banjir, jumlah kerugian dan kesannya kepada penduduk dan ekonomi negara.

Kajian tersebut merupakan kajian kemungkinan yang akan mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang merangkumi kaedah struktur dan bukan struktur. Contoh langkah struktur adalah pembinaan benteng sungai, kolam takungan, empangan, lencongan banjir dan sebagainya. Setelah kajian tersebut dilaksanakan, JPS akan mengkaji langkah atau pilihan yang ekonomik untuk dilaksanakan.

Bagi mengatasi masalah banjir di Negeri Kelantan, Kerajaan telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) sebanyak RM800 juta di bawah Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 1 dan Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1.

Bagi PLSB Sungai Kelantan Fasa 1, lawatan tapak telah dibuat pada 20 Februari 2017 dan tender ditutup pada 16 Mei 2017 dengan anggaran kos projek sebanyak RM500 juta manakala PLSB Sungai Golok Fasa 1, lawatan tapak telah dibuat pada 12 September 2017 dan tender ditutup pada 31 Oktober 2017 dengan anggaran kos projek sebanyak RM300 juta.

Walau bagaimanapun, penyelesaian menyeluruh perlu dilaksanakan (*total solution*) yang melibatkan keseluruhan Lembangan Sungai Golok dan Lembangan Sungai Kelantan bagi mengatasi banjir di kawasan lembangan ini. Kerja-kerja ini dicadang untuk dilaksanakan dalam Fasa 2 dan Fasa 3. Penyelesaian secara *total solution* ini jika dilaksanakan akan melangkaui RMKe-12 dan RMKe-13 kelak.

Pada tahun ini, JPS Negeri Kelantan diperuntukkan sebanyak RM12 juta di bawah Program Pemuliharaan Sungai Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri. Pihak JPS telah melaksanakan projek tersebut di seluruh jajahan bagi memastikan aliran sungai tidak terhalang dan membaikpulih tebing sungai yang rosak. Selain itu, sebanyak RM2.56 juta peruntukan telah diberikan di bawah peruntukan Kerja-kerja Kecil dan Kerja Kecemasan Di Luar Jangka (sebelum dan selepas banjir) untuk memulihkan jalan dan jambatan, memulihkan struktur kawalan serta memulihkan pembentung di seluruh jajahan.

Sekian, terima kasih.

RT05/125

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
DARIPADA MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah keluasan tanah-tanah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk pembinaan sekolah-sekolah di negeri Kelantan yang masih lagi terbengkalai. Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina sekolah aliran agama/tahfiz di Pasir Puteh memandangkan pengambilan semula tanah telah dibuat.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menyediakan seluas 3-8 ekar bagi Sekolah Kebangsaan dan 8-12 ekar bagi pembinaan Sekolah Menengah dan keluasan minima seluas 20 ekar bagi pembinaan sekolah Berasrama Penuh. Bagi setiap tapak kosong milik KPM, KPM telah menyediakan perancangan pembinaan sekolah dan akan dibida dalam setiap *rolling plan* yang akhirnya tertakluk kepada kelulusan EPU, JPM dan peruntukan semasa. KPM juga sentiasa mengambil kira keperluan pembinaan sekolah aliran agama dalam perancangan KPM dengan melihat kesesuaian, keperluan dan dasar

pendidikan semasa demi memastikan masyarakat menerima manfaat pendidikan secara menyeluruh dan optimum.

KPM, tidak menerima sebarang permohonan pembinaan sekolah aliran agama/tahfiz di Pasir Puteh, Kelantan. KPM tiada perancangan untuk membina sekolah aliran agama/tahfiz baharu memandangkan sekolah agama sedia ada di kawasan berhampiran mampu menampung permintaan masyarakat setempat yang berminat kepada sekolah aliran tersebut.

RT05/125

SOALAN NO.126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini hasrat Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati ke atas pesalah dadah. Bila Rang Undang-Undang untuk memansuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati ke atas pesalah akan di kemukakan untuk kelulusan Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Mac 2017 antara lain telah bersetuju supaya pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Susulan daripada itu, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk dengan wakil-wakil daripada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia. Jabatan Peguam Negara seterusnya telah menyiapkan draf pertama Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dan perkara ini juga telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Julai 2017.

Buat masa ini, Jabatan Peguam Negara bersama dengan Kementerian serta agensi-agensi berkaitan sedang mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk membentangkan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 pada sesi Parlimen ini.

Sekian, terima kasih.